



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA JUN 2025

Inflasi Malaysia meningkat perlahan 1.1 peratus pada Jun 2025

PUTRAJAYA, 22 Julai 2025 – Inflasi Malaysia meningkat perlahan 1.1 peratus pada Jun 2025 dengan mata indeks mencatatkan 134.5 berbanding 133.0 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan perlahan ini turut ditunjukkan melalui penurunan dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan yang mencatatkan sebanyak negatif 3.6 peratus pada Mei 2025 (April 2025: -3.4%). Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), JUN 2025.**

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat 2.1 peratus pada Jun 2025, kadar yang sama direkodkan pada Mei 2025. Subkumpulan Makanan di luar rumah menunjukkan peningkatan lebih tinggi, 4.7 peratus berbanding 4.4 peratus pada bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, penurunan Makanan di rumah sebanyak negatif 0.4 peratus (Mei 2025: 0.0%), sedikit sebanyak mengekang inflasi ini daripada meningkat lebih tinggi.

Selain itu, kumpulan Pendidikan, 2.2 peratus; Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.7 peratus; Insurans & Perkhidmatan Kewangan, 1.5 peratus dan Minuman Alkohol & Tembakau, 0.6 peratus turut meningkat pada kadar yang sama direkodkan pada bulan sebelumnya. Di samping itu, kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 2.8 peratus (Mei 2025: 3.0%); Rekreasi, Sukan &

Kebudayaan, 0.8 peratus (Mei 2025: 0.9%); Pengangkutan, 0.3 peratus (Mei 2025: 0.7%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah, 0.1 peratus (Mei 2025: 0.2%) mencatatkan peningkatan perlahan pada Jun 2025.

Sementara itu, terdapat beberapa kumpulan yang mencatatkan peningkatan lebih tinggi berbanding Mei 2025 iaitu Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 4.2 peratus (Mei 2025: 3.7%) dan Kesihatan, 1.2 peratus (Mei 2025: 1.1%). Sebagai tambahan, Maklumat & Komunikasi dan Pakaian & Kasut masing-masing kekal berada pada jajaran negatif iaitu negatif 5.4 peratus dan negatif 0.3 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa 59.2 peratus item (339 daripada 573) merekodkan kenaikan harga. Namun begitu, daripada jumlah tersebut, 329 item (97.1%) mencatatkan peningkatan kurang atau sama dengan 10 peratus, manakala hanya 10 item merekodkan kenaikan melebihi 10 peratus pada Jun 2025. Baki sebanyak 192 item (33.5%) menunjukkan penurunan dan 42 item kekal tidak berubah.

Inflasi subkumpulan Makanan di rumah menurun kepada negatif 0.4 peratus pada Jun 2025 (Mei 2025: 0.0%). Ini disumbangkan oleh penurunan kelas perbelanjaan Sayur-sayuran; Susu, produk tenusu lain & telur; Daging dan Bijirin & produk bijirin. Namun begitu, beberapa kelas perbelanjaan menunjukkan peningkatan pada Jun 2025 seperti Minyak & lemak; Ikan & makanan laut lain; Gula, manisan & pencuci mulut dan Buah-buahan & kacang.

Kelas perbelanjaan Sayur-sayuran menurun kepada negatif 7.2 peratus pada Jun 2025 (Mei 2025: -5.5%). Antara sayur-sayuran yang merekodkan penurunan adalah Tomato, negatif 20.6 peratus (Mei 2025: -5.7%); Timun, negatif 19.8 peratus (Mei 2025: -17.2%); Kubis, negatif 13.0 peratus (Mei 2025: -5.3%); Salad, negatif 12.6 peratus (Mei 2025: -10.3%); Bunga kubis, negatif 10.7 peratus (Mei 2025: -7.5%) dan Brokoli, negatif 8.4 peratus (Mei 2025: -7.3%).

Kadar inflasi bagi kelas perbelanjaan Susu, produk tenusu lain & telur berada pada jajaran negatif, mencatatkan negatif 1.8 peratus pada Jun 2025 berbanding

negatif 1.9 peratus pada bulan sebelumnya. Ini disumbangkan oleh subkelas perbelanjaan Telur (-4.4%), diikuti oleh Lain-lain susu & krim (-2.8%) dan Susu asli & susu yang dibancuh (-1.5%).

Selain itu, kelas perbelanjaan Daging turut menurun kepada negatif 1.1 peratus pada Jun 2025 (Mei 2025: -0.3%). Penurunan ini terutamanya disumbangkan oleh penurunan Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar (32.6%) dalam kelas perbelanjaan Daging sebanyak negatif 0.6 peratus berbanding 2.0 peratus yang direkodkan pada Mei 2025. Berdasarkan pengumpulan data oleh pihak DOSM, purata harga Ayam standard Malaysia pada Jun 2025 adalah RM10.57 sekilogram berbanding RM10.58 sekilogram pada bulan Jun 2024 (Mei 2025: RM10.63). Manakala, purata harga Ayam standard di Semenanjung Malaysia bagi Jun 2025 adalah RM9.86 sekilogram berbanding RM9.92 sekilogram pada Jun 2024 (Mei 2025: RM9.94). Selain itu, penurunan kelas perbelanjaan Daging turut disumbangkan oleh Daging lembu tempatan dan Bahagian ayam (sejuk beku) yang kekal pada jajaran negatif, masing-masing mencatatkan negatif 3.7 peratus (Mei 2025: -4.0%) dan negatif 3.6 peratus (Mei 2025 : -4.2%).

Sementara itu, subkumpulan Makanan di luar rumah meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 4.7 peratus berbanding 4.4 peratus pada Mei 2025. Antara item yang mencatatkan kenaikan pada Jun 2025 ialah Burger, 10.6 peratus (Mei 2025: 1.6%); Sate, 5.0 peratus (Mei 2025: 4.8%); Nasi campur, 3.7 peratus (Mei 2025: 3.3%); Masakan berasaskan mi, 3.4 peratus (Mei 2025: 3.1%) dan Ayam goreng, 3.2 peratus (Mei 2025: 2.5%).

Inflasi bagi kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat dengan kadar yang sama seperti bulan sebelumnya iaitu 1.7 peratus. Subkumpulan Sewa sebenar untuk kediaman dan Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman masing-masing meningkat sebanyak 1.9 peratus dan 0.5 peratus, kadar yang sama direkodkan pada bulan sebelumnya. Manakala, subkumpulan Penyelenggaraan, pembaikan & keselamatan rumah kediaman mencatatkan peningkatan lebih perlahan pada 4.7 peratus (Mei 2025: 4.9%).

Sementara itu, kumpulan Kesihatan meningkat pada kadar lebih tinggi 1.2 peratus pada Jun 2025 berbanding 1.1 peratus pada bulan sebelumnya. Ia disumbangkan

oleh peningkatan bagi subkumpulan Perkhidmatan penjagaan pesakit luar kepada 3.0 peratus (Mei 2025: 2.9%) dan Ubat-ubatan & produk kesihatan, 0.8 peratus (Mei 2025: 0.6%). Namun begitu, subkumpulan Perkhidmatan kesihatan lain meningkat dengan kadar lebih rendah, 3.9 peratus berbanding 4.2 peratus pada Mei 2025.

Inflasi kumpulan Pengangkutan meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada Jun 2025, 0.3 peratus (Mei 2025: 0.7%). Ini didorong oleh subkumpulan Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian dan Perkhidmatan pengangkutan awam yang masing-masing mencatatkan 0.3 peratus pada Jun 2025 berbanding 0.6 peratus dan 1.3 peratus pada bulan sebelumnya. Antara item yang merekodkan kenaikan lebih perlahan pada Jun 2025 ialah Perkhidmatan mencuci kereta, 3.5 peratus (Mei 2025: 3.7%); Bateri kereta, 1.4 peratus (Mei 2025: 1.5%) dan Kerusi keselamatan kanak-kanak, 0.7 peratus (Mei 2025: 1.1%).

Harga bahan api Diesel pada Jun 2025 mencatatkan penurunan kepada negatif 3.4 peratus (Mei 2025: 12.4%). Purata harga Diesel di Semenanjung Malaysia adalah RM2.78 seliter berbanding RM2.99 seliter pada Jun 2024 (Mei 2025: RM2.81). Manakala, purata harga Diesel bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kekal pada RM2.15 seliter. Sementara itu, Petrol tanpa plumbum RON97 kekal pada jajaran negatif iaitu negatif 10.4 peratus pada Jun 2025. Purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 pada Jun 2025 ialah RM3.11 seliter berbanding RM3.47 seliter pada Jun 2024 (Mei 2025: RM3.11).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, 10 negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional, 1.1 peratus dengan Kelantan merekodkan peningkatan terendah sebanyak 0.2 peratus pada Jun 2025. Walau bagaimanapun, lima negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Negeri Sembilan (1.6%), Selangor (1.6%), Johor (1.5%), Melaka (1.3%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1.2%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman kecuali Kelantan (-0.1%). Peningkatan ini dicatatkan oleh Negeri Sembilan iaitu 3.3 peratus, diikuti oleh Selangor (3.1%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.9%), Terengganu (2.6%), Johor (2.2%) dan Wilayah Persekutuan Labuan (2.1%),

manakala, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional bagi Makanan & Minuman (2.1%) pada Jun 2025.

Kadar inflasi bagi suku tahun kedua 2025 meningkat lebih perlahan kepada 1.3 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya (ST1 2025: 1.5%). Peningkatan ini disumbangkan oleh Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 2.8 peratus (ST1 2025: 3.3%); Makanan & Minuman, 2.2 peratus (ST1 2025: 2.5%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.9 peratus (ST1 2025: 2.3%). Bagi perbandingan suku tahunan pula, inflasi meningkat 0.4 peratus, kadar yang sama pada suku tahun pertama 2025.

Inflasi keseluruhan secara bulanan meningkat 0.1 peratus pada Jun 2025 berbanding Mei 2025. Peningkatan ini didorong oleh Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan yang meningkat sebanyak 0.4 peratus. Manakala, Makanan & Minuman, Pengangkutan dan Pendidikan masing-masing meningkat 0.2 peratus. Selain itu, kedua-dua Rekreasi, Sukan & Kebudayaan dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan meningkat 0.1 peratus pada Jun 2025. Sementara itu, penurunan pada Maklumat & Komunikasi (-0.2%) dan Pakaian & Kasut (-0.1%) sedikit sebanyak mengimbangi inflasi ini daripada terus meningkat. Inflasi teras meningkat 1.8 peratus pada Jun 2025, kadar yang sama seperti bulan sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (4.2%); Makanan & Minuman (3.8%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (2.8%); Pengangkutan (2.3%) dan Pendidikan (2.2%).

Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.1%) lebih rendah berbanding inflasi di Viet Nam (3.6%), Republic of Korea (2.2%), Indonesia (1.9%) dan Philippines (1.4%). Manakala, kadar tersebut lebih tinggi berbanding China (0.1%) dan Thailand (-0.3%).

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Selasa, 22 Julai 2025**

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
22 JULAI 2025**


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 22 Julai 2025

Carta 1 Inflasi Bulanan Malaysia, Januari 2011 – Jun 2025




Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Jun 2025

Carta 2 Inflasi Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, Jun 2024 – Jun 2025




Carta 3 Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Jun 2024 – Jun 2025




Carta 4

Inflasi Suku Tahunan Malaysia, ST1 2011 – ST2 2025




Carta 5

Inflasi Tahunan Malaysia, 2011 - 2024




Carta 6

Inflasi mengikut Kuadran, Mei 2025 & Jun 2025




Carta 7

Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat ≤10%, Mei 2025 & Jun 2025




Carta 8

Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, Jun 2024 – Jun 2025




Carta 9

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Mei 2025 & Jun 2025



Carta 10


Inflasi bagi Makanan & Minuman, Jun 2024 – Jun 2025



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 22 Julai 2025

Carta 11

Inflasi mengikut Negeri, Mei 2025 & Jun 2025




Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

Mei 2025 | Jun 2025

Carta 12

Inflasi bagi Negara Terpilih, Jun 2024 – Jun 2025




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Selasa, 22 Julai 2025**


Carta 13

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Jagung (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



■ Harga komoditi dunia (AS\$) — Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:


Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit

Carta 14

Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia



Carta 15

Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia

